

PANDUAN KEPADA PENYEBUT HARGA
UNTUK PEROLEHAN BEKALAN / PERKHIDMATAN
(tidak perlu dilampirkan semasa tawaran)

1. Lampiran Q adalah templat 'sebut harga untuk bekalan / perkhidmatan' yang disediakan oleh kerajaan untuk diisi oleh pembekal bagi membuat tawaran. Jika pembekal melampirkan sebut harga syarikat (mesti dengan logo syarikat), dan terdapat perbezaan butiran yang ditawarkan, kerajaan akan mengambil maklumat Lampiran Q sebagai tawaran rasmi pembekal.
2. Pembekal perlu membaca syarat-syarat tambahan yang dilampirkan bersama Lampiran Q bagi memastikan semua syarat dipenuhi.
3. Senarai semakan (bekalan/perkhidmatan/kerja) perlu menjadi mukasurat pertama dalam tawaran sebut harga yang dihantar.
4. Berikut adalah arahan kerajaan kepada penyebut harga berdasarkan Surat Pekeliling Kewangan Bil.18/2009 (Lampiran A1) yang dikemaskini:
 - 4.1. Hak Kerajaan Untuk Menerima / Menolak Sebut Harga
Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.
 - 4.2. Cara – Cara Melengkapkan Dokumen Sebut Harga
 - (a). Penyediaan Sebut Harga
Pembekal adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:
 - i. Harga dan tandatangan pembekal di Ringkasan Sebut Harga,
 - ii. Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga,
 - iii. Butir-butir SpesifikasiJika berlaku kesilapan di dalam mengisi maklumat-maklumat di atas, pembekal hendaklah menandatangani ringkas semua pembedulan.
 - (b). Penyerahan Dokumen Sebut Harga
 - i. Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatitkan dengan bilangan sebut harga JPKN/(TAHUN)/(BIL) serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.
 - ii. Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada masa atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
 - iii. Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.
 - (c). Penjelasan Lanjut
Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, pembekal boleh menghubungi Pegawai Inden untuk penjelasan lanjut.
 - 4.3. Perbelanjaan Penyediaan Sebut Harga
Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut harga sendiri.
 - 4.4. Tempoh Sah Sebut Harga
Tempoh sah sebut harga adalah sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Tindakan tatatertib boleh diambil ke atas penyebut harga sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harga tersebut sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

**SENARAI SEMAKAN
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

Tajuk: Sebut Harga Pembaharuan Lesen Perisian Zoom Bagi Agensi Kerajaan Negeri Sabah
No. Sebut Harga: JPKN/2023/01

Sila tandakan bagi dokumen yang disertakan:

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk ditanda oleh Penyebut Harga	Untuk kegunaan Pejabat
1	Salinan Sijil PUKONSA (Pusat Pendaftaran Pembekal-Pembekal Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah) yang sah tempoh.		
2	Salinan Sijil Perniagaan yang sah tempoh.		
3	Sebut harga dari syarikat menggunakan KEPALA SURAT (letter head) syarikat; nyatakan spesifikasi teknikal untuk setiap item yang ditawarkan secara terperinci.		
4	Salinan Sijil Pengiktarafan Perniagaan Anak Negeri yang sah tempoh.		
5	Lampiran Q telah diisi lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan ditandatangani		
6	Pematuhan kepada Appendix A, diisi lengkap dan ditandatangani		
7	Lampiran F yang telah diisi lengkap dan ditandatangani		
8	Profil Syarikat dilampirkan. (Penyertaan kali pertama/Profil syarikat dikemaskini)		
9	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir.		
<p>PENGESAHAN OLEH PENYEBUT HARGA</p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama: Jawatan: Tarikh:</p>		<p>UNTUK KEGUNAAN PEJABAT</p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen yang bertanda (/) kecuali bagi perkara bil.....</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama: Jawatan: Tarikh:</p>	



JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

NOTIS SEBUT HARGA NO. SEBUT HARGA : JPKN/2023/01

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang mempunyai Lesen Berniaga yang sah dan berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Pembekal Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) di bawah **KEPALA 21 SUB KEPALA 0104** untuk mendapatkan sebut harga seperti berikut:-

SEBUT HARGA PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN ZOOM BAGI AGENSI KERAJAAN NEGERI SABAH

2. Dokumen sebut harga boleh dimuat turun daripada laman web Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri di alamat <http://www.jpkn.sabah.gov.my>.
3. Syarikat-syarikat yang ingin menyertai sebut harga perlu membuat bayaran
 - i. secara atas talian (on-line)
 1. membuat bayaran RM5.00 ke akaun Jabatan Bendahari Negeri: 101960010025301 (Alliance Bank Malaysia Berhad)
 2. sila catatkan dalam transaksi atas talian: 126-73105 JPKN-2023-01 (NAMA SYARIKAT)
 3. emelkan salinan resit bayaran atau salinan resit transaksi atas talian kepada brp@sabah.gov.my, c.c.: Rozitah.MohdRah@sabah.gov.my
 - ATAU
 - ii. melalui kaunter
 1. mendapatkan Borang Bayaran Sebut Harga di Unit Akaun, Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri, Tingkat 7, Blok A, Menara Kinabalu, 88400 Kota Kinabalu.
 2. membuat bayaran RM5.00 di Kaunter Pembayaran, Jabatan Bendahari Negeri, Tingkat 9, Blok A, Menara Kinabalu, 88400 Kota Kinabalu
4. Penyerahan dokumen sebut harga dengan memasukkan tawaran sebut harga ke dalam peti sebut harga yang disediakan di Ruang Menunggu, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri, Tingkat 7, Blok A, Menara Kinabalu, Jalan UMS, Teluk Likas, 88400 Kota Kinabalu.
5. Tarikh Tutup : **13 Januari 2023 jam 10:00 pagi**.
6. Kerajaan Negeri tidak akan terikat menerima tawaran sebut harga terendah atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak. Semua borang sebut harga serta dokumen sokongannya tidak akan dikembalikan.
7. Sebarang ketetapan di atas yang tidak dipatuhi akan secara automatik sebut harga akan ditolak.

Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri,
Tingkat 6 & 7, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 Kota Kinabalu.

**LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebut Harga: **JPKN/2023/01**

(Kew 284-Pin 5/94)

**KERAJAAN MALAYSIA NEGERI SABAH
SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat) -

No Telefon:

No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan
(PUKONSA):

.....
Kod Bidang Pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini

.....

Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh
Kementerian/Jabatan (Alamat Lengkap):
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Tingkat 6 & 7, Blok A,
Menara Kinabalu,

Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 Kota Kinabalu

No. Telefon: **088-368900**

Tarikh : **06 Januari 2023**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.
 - 1.1. Syarat penyerahan/penyempurnaan
Seperti di Appendix 'A'
.....
 - 1.2. Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki
Tidak melebihi 4 minggu selepas LPO dikeluarkan
.....
 - 1.3. Arahan pengiriman
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri, Tkt 7, Blok A, Menara Kinabalu, Kota Kinabalu
.....
 - 1.4. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda No. Sebut Harga **JPKN/2023/01**.....
 - 1.5. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 10.00 pagi **13** hb **Januari 2023**
 - 1.6. Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90** hari selepas tarikh tutup

Tarikh: 06 Januari 2023

Tandatangan: 

Nama Pegawai: Beatrice D Mikil

Jawatan: Pegawai Teknologi Maklumat

Bil	Perihal bekalan/perkhidmatan dan syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/Kelekapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
	<i>Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan</i>			<i>Untuk diisi oleh Penyebut Harga</i>	
1	LICENSE RENEWAL: 1 YEAR				
	Account number: 7005703814 Expiry Date: 10 Feb 2023				
	i. Zoom One Business (Capacity: 300 participants)	Unit	50		
	ii. Zoom Webinars (Capacity: 500 participants)	Unit	1		
	(Sila Rujuk 'Appendix A')				
	Tarikh penyerahan / penyempurnaan ditawarkan hari/minggu				
	*Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran PUKONSA				
				JUMLAH	

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih, dan

(ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialahhari/minggu

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan Penyebut Harga :

Nama dan K/P:

Alamat Syarikat :

.....

.....

Tarikh :

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga, dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut, dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak,
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu, dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini, tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan, dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk diekspot ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu diekspot dengan tidak dibungkus,
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan, dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

**SEBUT HARGA PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN ZOOM BAGI AGENSI KERAJAAN NEGERI
SABAH**

**No Sebut Harga : JPKN/2023/01
Tarikh Tutup : 13 Januari 2023 Jam 10:00 Pagi**

No	Item	Ktt	Ya / Tidak	Harga Seunit (RM)	Amaun (RM)
1.	LICENSE RENEWAL: 1 YEAR Account number: 7005703814 Expiry Date: 10 Feb 2023				
	i. Zoom One Business (Capacity: 300 participants)	50			
	ii. Zoom Webinars (Capacity: 500 participants)	1			
Jumlah Harga Keseluruhan (RM):					
Lesen Berniaga Yang Sah:					
Sijil PUKONSA (Kod Bidang: 210104):					
Sijil Pengiktirafan Perniagaan Anak Negeri: <i>Jika ada - (No. Sijil/Tempoh Sah)</i>					
Tempoh Penghantaran: <i>Mesti Dinyatakan. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan penyertaan dibatalkan serta-merta</i> _____ (Hari/Minggu)					

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: Beatrice D Mikil(088-368816)

Syarat-syarat tambahan (Mesti dipatuhi):

- Pembekal hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja. Jika pembekal didapati mengemukakan lebih dari satu (1) tawaran sebut harga, kerajaan berhak untuk membatalkan penyertaan tawaran – tawaran dari pembekal yang berkenaan.
- Sebut harga bekalan / perkhidmatan / kerja yang melibatkan peralatan atau perkakasan mestilah menawarkan produk yang asli dengan manufacturer warranty dan bebas daripada kecacatan perkilangan (manufacturing defects).
- Ruang 'Ya/Tidak' untuk mengesahkan kriteria bekalan / perkhidmatan / kerja MESTI diisi dengan lengkap dan jelas.
- Jumlah bersih tawaran sebut harga adalah TERMASUK dengan cukai – cukai yang dikenakan oleh Kerajaan di atas perolehan bekalan/perkhidmatan atau kerja yang dicadangkan.
- Pembekal hendaklah menyatakan dengan jelas tempoh penghantaran item. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan penyertaan terbatal serta-merta.
- Pembekal MESTI menyertakan sebut harga syarikat menggunakan kepala surat syarikat (*company's letterhead*).
- Salinan sijil - sijil yang dilampirkan MESTI sah tempoh. Jika masih di dalam proses pembaharuan sijil, dokumen – dokumen yang berkenaan perlu dilampirkan. Kerajaan berhak membatalkan penyertaan tawaran jika terdapat unsur kurang pasti (uncertainties).
- Pembekal baru WAJIB mengemukakan Profil Syarikat (Company Profile) dan Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir sebelum tarikh tutup sebut harga.
- Item hendaklah dihantar ke:

**BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN,
JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI,
TINGKAT 7, BLOK A, MENARA KINABALU,
JALAN UMS, TELUK LIKAS, 88400 KOTA KINABALU**

10. Tempoh penghantaran bermula daripada tarikh pesanan kerajaan dikeluarkan.

Tandatangan dan Cop Pembekal: _____

Tarikh: _____

Nama dan alamat Pembekal: _____

**SURAT AKUAN PEMBIDA
SEBUT HARGA PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN ZOOM BAGI AGENSI KERAJAAN NEGERI
SABAH
JPKN/2023/01**

.....

Saya,nombor K/P.....yang
 mewakilinombor Pendaftaran.....
 dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan
 menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
 atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk
 dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya
 mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawarkan atau
 memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri**
 atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka
 saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan – tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana - mana
 individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti
 di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya
 Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama :

No. Kad Pengenalan:

Cop Syarikat :

- Catatan: i) * Potong mana yang tidak berkenaan.
 ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa